

Tangani salah laku penjawat awam

SAUDARA PENGARANG,

KENYATAAN Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd. Khairul Adib Abd. Rahman baru-baru ini berkaitan tindakan tegas terhadap kakitangan kerajaan yang didapati terlibat dengan salah laku harus diambil serius oleh semua penjawat awam.

Peringatan ini diberikan berhubung *Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018, Siri 3* bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam agak berlembut serta mengambil tindakan ringan dalam menangani isu tatatertib.

Kandungan tatacara pengurusan tatatertib selaras Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 sangat jelas dan terperinci dalam menggariskan peraturan pengendalian kes kesalahan tatatertib dalam kalangan penjawat awam.



Hukuman secara konsisten harus diberikan untuk kesalahan sama agar dapat mengelak wujud dakwaan ada unsur pilih kasih.”

Bahagian II, Seksyen 4, peraturan berkenaan menyenaraikan tatacara kelakuan yang sepatutnya dimiliki oleh penjawat awam. Antaranya kakitangan awam dilarang membelakangkan tugas awam demi kepentingan persendirian. Bahagian V peraturan berkenaan pula menggariskan beberapa hukuman yang boleh dikenakan seperti amaran, denda, lucut hak

emolumen, penangguhan pergerakan gaji, penurunan gaji dan pangkat.

Oleh itu, punca teguran audit ini bukanlah disebabkan kepincangan peraturan tetapi lebih kepada masalah pelaksanaan.

Kelewatan mengambil tindakan akan menyebabkan peraturan hanya tinggal peraturan di atas kertas dan kesalahan tersebut akan dipandang sebagai satu norma yang diterima pakai dalam jabatan.

Dalam mengambil tindakan, pendekatan *hot stove rule* yang bertunjangkan empat prinsip iaitu secepat mungkin, amaran, konsisten dan tidak bersifat peribadi, bolehlah digunakan.

Pertama, apabila terjadinya kes salah laku, tindakan perlu diambil secepat mungkin. Kedua, amaran sama ada berbentuk lisan atau bertulis haruslah diberikan segera. Ketiga, hukuman secara konsisten harus diberikan untuk kesalahan sama agar dapat mengelak wujud dakwaan ada unsur pilih kasih.

Keempat, hukuman haruslah bukan bersifat peribadi tetapi lebih kepada untuk mengajar dan memperingatkan penjawat awam kepentingan mengubah sikap negatif kepada positif.

JENNIFAH NORDIN

UiTM Kampus Sabah, Kota Kinabalu